



**TEKS UCAPAN  
YBRS.TUAN HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD NOOR  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 3/2021**

**30 MAC 2021, SELASA**

**09:00 PAGI SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.3/2021 bagi bulan Mac** pada pagi yang berbahagia ini.

### **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

2. Untuk makluman, sehingga 28 Februari 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM36.77juta (68.10%) daripada RM54 juta.
3. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM2.71juta (33.23%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
4. MPS telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada 87,799 akaun pemilik yang masih mempunyai tunggakan selepas tamat tempoh bayaran pada 28 Februari 2021.
5. Tindakan waran tahanan bernilai RM100.00 akan dilaksanakan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan bermula 16 April 2021.

## **BENGGEL PENINGKATAN HASIL**

6. Untuk makluman semua, pada 24 hingga 26 Mac yang lalu, MPS telah mengadakan bengkel peningkatan hasil MPS yang melibatkan semua pengarah jabatan. Bengkel ini bertujuan untuk melihat semula prestasi kutipan hasil bagi tahun 2020 dan mengumpulkan input serta cadangan bagi meningkatkan hasil untuk tahun 2021. Alhamdulillah melalui hasil perbincangan di bengkel ini, penambahan hasil yang telah disasarkan adalah berjumlah RM 12.19 juta menjadikan anggaran pendapatan terkini bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM 205 juta. Saya harap semua pengarah dapat memainkan peranan agar sasaran dapat dicapai.

## **BENGGEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK MPS 2021-2025**

7. Seterusnya pada 31 Mac hingga 2 April ini, MPS akan menganjurkan satu bengkel Pembangunan Pelan strategik MPS 2021-2025 yang melibatkan beberapa orang Ahli Majlis dan barisan pengurusan MPS.
8. Bengkel ini bertujuan sebagai persediaan dan perancangan pelan strategik MPS bagi tempoh 5 tahun lagi dalam memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada seluruh masyarakat Selayang.

9. Jadi, saya berharap agar semua yang terlibat dapat membuat persediaan dan memberikan idea-idea yang bernas agar penyediaan deraf Pelan Strategik MPS 2021-2025 akan mencakupi keutamaan teras-teras yang telah digariskan diperingkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan anjakan paradigma dilaksanakan dalam organisasi di MPS.

### **KURSUS ASAS AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI SELANGOR (SIRI 1)**

10. Selain itu juga, pada 31 Mac hingga 2 April ini, seramai 13 orang Ahli Majlis akan terlibat dengan Kursus Asas Ahli Majlis PBT Negeri Selangor di De Palma Hotel Ampang yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
11. Kursus ini diadakan adalah untuk memantapkan lagi pemahaman Ahli Majlis yang telah dilantik mengenai pengurusan sesebuah PBT dalam usaha berterusan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan terhadap masyarakat. Jadi, saya berharap agar kursus ini akan memberi manfaat kepada Ahli Majlis dalam melaksanakan tanggungjawab.

## **TAPAK BAZAR RAMADAN 2021**

12. Seperti semua sedia maklum, Majlis Keselamatan Negara telah pun memberi kelulusan pembukaan Bazar Ramadan pada tahun ini. Untuk makluman semua, sebanyak **14 lokasi** Bazar Ramadan di bawah persatuan dan pertubuhan akan dibuka dan sebanyak 21 **lokasi** yang lain dikelolakan oleh pihak Jawatankuasa Penduduk (JKP) sepanjang bulan Ramadan ini. Jumlah tapak secara keseluruhan kawasan adalah sebanyak 2,224 petak.
  
13. Diharapkan penjaja dapat mematuhi prosedur standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh MKN serta mengekalkan tahap kebersihan dan mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit.

## **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MPS TAHUN 2020**

14. Bagi menghargai jasa dan sumbangan kakitangan, sekali lagi pada tahun ini, MPS akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2020. Insya Allah, majlis ini akan dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amiruddin bin Shari pada 8 April 2021

bertempat di Setia Eco Templer Park, Rawang bermula jam 2.00 petang hingga 4.30 petang.

15. Pada tahun ini, seramai 86 orang kakitangan MPS dari peringkat sokongan ke pengurusan akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang(APC).
16. Selain itu juga, sebagai tanda penghargaan MPS kepada pesara, kakitangan yang telah berkhidmat lama dan khidmat 25 tahun turut diraikan dengan adanya penyampaian anugerah untuk mereka.
17. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan semoga lebih terus cemerlang dalam menjalankan tugas pada masa-masa akan datang.

### **MAKLUM BALAS BELANJAWAN MPS**

18. MPS kini dalam proses merangka belanjawan MPS bagi tahun 2022. Oleh itu, pandangan dan input orang ramai amatlah diperlukan bagi memastikan belanjawan yang dirangka dapat memenuhi keperluan stakeholder MPS.

19. Di sini saya ingin menyeru kepada semua Ahli Majlis, para pengarah dan media untuk membuat hebahan mengenai maklum balas belanjawan MPS yang akan berakhir pada 9 April 2021.

### **PERTUKARAN KEANGGOTAAN AHLI MAJLIS PARTI DAP DI DALAM JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

20. Untuk makluman, MPS telah menimbang dan bersetuju dengan permohonan daripada Ketua WHIP DAP berkaitan pertukaran keahlian di dalam Jawatankuasa MPS iaitu diantara Tuan Muhammad Najmi bin Samsudin yang akan menganggotai Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan manakala Tuan Cheong Heng Wai yang akan menganggotai Jawatankuasa Infrastruktur. Pertukaran ini berkuatkuasa pada bulan April 2021.

### **UCAPAN SEMPENA KETIBAAN BULAN RAMADAN 1442 HIJRAH**

21. Sempena bulan Ramadan yang bakal menjelma, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada semua Ahli Majlis, warga MPS dan warga Selayang yang beragama Islam.
22. Semoga Ramadan pada kali ini akan memberikan seribu kerahmatan dan keberkatan kepada kita semua.



Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.